

02 MAR 1997

Mahathir-Takziah

DR MAHATHIR UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA PESAWAT TERHEMPAS

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mengucapkan takziah kepada keluarga ketiga-tiga mangsa yang terbunuh dalam kejadian pesawat Cessna Mofaz Air yang terhempas di Kelibang, di sini hari ini.

"Saya berasa amat sedih dengan kejadian itu...saya mengucapkan takziah kepada keluarga mereka," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Terdahulu itu, beliau melepaskan peserta lumba basikal peringkat akhir Le Tour de Langkawi di Kuah dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang kejohanan Asean Kart Prix, di sini Padang Matsirat di sini.

Perdana Menteri berkata beliau belum dimaklumkan mengenai punca nahas itu.

"Mungkin juga ketika itu pesawat sedang terbang rendah...punca nahas belum dikenal pasti," katanya.

Dua jurukamera Filem Negara Abdul Razak Md Nor, 43, dan Ishak Latif, 32, kedua-dua dari Kuala Lumpur, serta juruterbang Nik Alfian Nik Abdul Ghani, 26, terbunuh dalam nahas itu yang berlaku pada pukul 3.45 petang di kawasan belukar paya di Kampung Bakau, Kelibang, kira-kira 500 meter dari Jalan Kelibang.

Ia dilaporkan menjunam ke dalam paya itu kira-kira 15 minit selepas Perdana Menteri melepaskan para peserta lumba basikal di hadapan Kompleks Lada, hampir lapan kilometer dari tempat kejadian.

Pesawat itu disewa khas oleh Filem Negara untuk membuat rakaman dari udara perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi. -- BERNAMA

MFJ AKD